



Noor Mohamad
Shakil Hameed

Tema sambutan Hari Pekerja peringkat kebangsaan tahun ini Pekerja Berkemahiran, Peneraju Kecemerlangan

Negara dengan jelas menterjemahkan hasrat kerajaan dan negara untuk melahirkan kelompok pekerja tempatan yang memiliki bakat dan kemahiran yang tinggi bagi merealisasikan hasrat kita untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi yang akhirnya dapat menzahirkan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Tarikh 1 Mei pada setiap tahun diisytiharkan sebagai hari cuti umum di negara kita sebagai pengiktirafan tertinggi kerajaan terhadap seluruh warga pekerja di negara kita sama ada pekerja awam maupun swasta. Hari Pekerja, Hari Buruh ataupun juga disebut Hari Pekerja Antarabangsa di peringkat global yang mana masyarakat dunia meraikan dan mengiktiraf sumbangan pekerja serta kejayaan ekonomi dan sosial bagi pergerakan maupun kesatuan sekerja. Kebiasaan sambutan Hari Pekerja di negara kita akan dimeriahkan dengan perhimpunan dan perarakan secara besar-besaran dari pelbagai golongan pekerja mewakili organisasi masing-masing.

Di pihak kerajaan sambutan Hari Pekerja ini sering diterjemahkan sebagai wadah untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan golongan pekerja dan majikan terhadap pembangunan negara secara keseluruhannya. Untuk itu pihak Kementerian Sumber Manusia misalnya menyediakan pelbagai kategori anugerah sebagai pengiktirafan antaranya, Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir yang merupakan anugerah utama dan yang berprestij berbanding anugerah lain yang akan memberikan tumpuan kepada individu berkemahiran dan menyumbang kepada rakyat, Tokoh Pekerja bagi kategori kumpulan eksekutif, kumpulan bukan eksekutif dan juga kategori OKU.

Majikan juga diberi pengiktirafan yang sewajarnya melalui beberapa anugerah seperti, Anugerah Majikan 1Malaysia bagi kategori syarikat besar, perusahaan kecil dan sederhana serta GLC di samping anugerah lain seperti Anugerah Majikan Berdaya Saing Glokal. Malah kesatuan sekerja yang sering menjadi payung naungan seluruh warga pekerja juga diberi pengiktirafan melalui Anugerah Kesatuan Sekerja Cemerlang dan Harmoni bagi kategori sektor awam dan juga sektor swasta. Ringkasnya sambutan Hari Pekerja diadakan dengan matlamat untuk mengeratkan semangat kerjasama dan permuafakatan secara 'tripartisme' antara tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan pekerja.

Hakikatnya matlamat untuk

Robot sambut Hari Pekerja?

menjadi negara maju berpendapatan tinggi tidak mampu dicapai andai tanggungjawab itu disandarkan kepada pihak kerajaan semata-mata. Dalam hal ini ketiga-tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan juga pekerja perlu bekerjasama erat supaya dapat merealisasikan hasrat terbabit. Dalam konteks ini negara sememangnya mahu melahirkan seramai mungkin pekerja yang berkemahiran tinggi supaya dapat memacu pembangunan negara seperti yang diidamkan. Perancangan pihak kerajaan dalam hal ini cukup jelas apabila banyak memberi tumpuan kepada program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET). Untuk rekod kita ada 100 kolej komuniti yang menawarkan sijil dan diploma, 36 politeknik yang menawarkan diploma dan ijazah sarjana muda serta beberapa universiti teknikal seperti UTHM, Unimap, UMP dan UTEM yang menawarkan program ijazah sarjana muda hingga ke Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang kemahiran.

Kita percaya inisiatif kerajaan melalui TVET ini mampu melahirkan tenaga kerja tempatan yang diperlukan industri dan negara terutama bagi mengharungi fenomena Revolusi Industri 4.0 (Industri 4.0). Untuk itu kerajaan

memperuntukkan RM4.9 bilion dalam Bajet 2018 bagi menjayakan Pelan Induk TVET Malaysia di samping 100 biasiswa pelajar cemerlang TVET dengan peruntukan RM4.5 juta. Peranan kerajaan dalam aspek ini cukup jelas, maka apa yang diharapkan selanjutnya ialah pemerkasaan peranan dan sumbangan majikan serta pekerja itu sendiri.

Sebagai pemain utama dalam hal ini pekerja perlu menghayati tema sambutan Hari Pekerja tahun ini sebaik yang mungkin. Perkara ini penting kerana fenomena Industri 4.0 menyebabkan memiliki bakat dan kemahiran yang diperlukan oleh industri bukan lagi satu pilihan sebaliknya semakin menjadi tuntutan dalam memacu kecemerlangan sesebuah organisasi maupun negara.

Melalui Industri 4.0 ini kita boleh menjangkakan komputer dan sistem automatik bekerja bersama-sama dalam sebuah kaedah yang baru dengan robot dihubungkan secara wireless ke sistem komputer yang boleh belajar sendiri serta mampu mengawal robot dengan campur tangan yang sedikit dari pihak manusia. Mengambil kira situasi ini timbul persoalan sejauh mana golongan pekerja di negara ini mampu mempertahankan kedudukan dan pekerjaan

masing-masing.

Hakikatnya kita tidak boleh menghalang mahupun mengawal perubahan dan perkembangan teknologi serta kesannya kepada pelbagai sektor pekerjaan. Jadi bagi memastikan kita masih kekal relevan dan terus boleh bekerja, setiap pekerja perlu berubah mengikut arus perubahan yang sedang rancak berlaku. Secara prinsipnya Industri 4.0 memerlukan golongan pekerja yang berkemahiran tinggi, efisien dan efektif agar dapat bekerja bersama-sama dengan robot maupun pelbagai sistem automasi yang bakal digunakan untuk merancakkan proses pengeluaran dan produktiviti. Jika tidak kemungkinan besar tugas kita bakal diambil alih sepenuhnya oleh robot dan sistem komputer.

Justeru sebagai pekerja kita perlu menilai dan tanya diri kita adakah kita bersedia dengan segala kemahiran yang dituntut oleh Industri 4.0 ini. Harus diingat kegagalan kita untuk mengasah bakat dan kemahiran akan menyebabkan kerja kita diambil alih oleh orang lain ataupun berlaku secara automasi. Jadi kita perlu rebut peluang untuk ubah minda dan cara kerja seterusnya mencari ruang untuk menajamkan kemahiran masing-masing.

Dalam pada itu, kita juga berharap majikan akan membuka peluang kepada pekerja untuk menambah kemahiran yang diperlukan. Harus diingat hanya majikan yang tahu pekerja berkemahiran yang macam mana diperlukan untuk terus memacu produktiviti masing-masing.

Dalam konteks ini Industri 4.0 sebenarnya boleh juga digunakan untuk mencapai aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan visi Malaysia iaitu untuk menjadi 20 negara teratas di dunia. Hal ini kerana kedua-duanya memberi penekanan kepada aspek keperluan untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi. Jadi semua agensi kerajaan dan swasta perlu ambil peluang ini melatih pekerja tempatan supaya memenuhi keperluan tersebut.

Justeru warga pekerja dan majikan perlu memperkasakan sinergi perhubungan dan sumbangan dengan pihak kerajaan demi memastikan program transformasi kerajaan yang dicipta khusus untuk menuju status negara maju sentiasa berada di landasan yang betul. Selamat Menyambut Hari Pekerja.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**